



MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM SDN. BHD.

(No. Pendaftaran 201901044132 (1353462-M))

(Anak Syarikat Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)



KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. [No. Pendaftaran 201901044132 (1353462-M)] ("**MRTS**") ialah sebuah anak syarikat milik penuh Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), sebuah Syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur di bahagian Malaysia untuk RTS Link, MRTS ingin mempelawa bakal kontraktor ("**Petender**") untuk menyertai tender seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR TENDER		SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT TENDER (WAJIB)	
PROJEK RTS LINK JOHOR BAHRU – SINGAPURA TENDER INFRASTRUKTUR ICT & PELAKSANAAN AZURE LOCAL DI DEPOT, STESEN DAN PUSAT IMIGRESEN, KASTAM DAN KUARANTIN (ICQC) UNTUK MALAYSIA RAPID TRANSIT SYSTEM (MRTS) ("KERJA") NO. TENDER: RTS-MRTS-GENE-OVPR-TEN-000009		Memiliki dokumen yang sah seperti berikut: i. Sijil pendaftaran syarikat (ROC) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); ii. Sijil pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) yang merangkumi kod berikut: Kod Pengkhususan: 210101 – <i>Perkakasan (Low End Technology) – Membekal semua jenis perkakasan komputer termasuk PC, komputer riba, pencetak, pengimbas dokumen, peralatan peranti dan penyelenggaraan;</i> iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status: Patuh) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).	Tarikh : Selasa, 1 September 2026 Masa : 10:00 a.m. Lokasi : Google Meet (Jemputan akan dihantar ke e-mel yang disediakan dalam borang pendaftaran dalam talian.)	Bagi menyertai taklimat tender ini, Petender yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu daripada pautan di bawah: - Laman web MRT Corp http://www.mymrt.com.my; atau https://forms.gle/ud6vpDBTBnkPhDst6; atau - Imbas Kod QR yang disediakan.  Pendaftaran akan bermula pada Isnin, 24 Ogos 2026 sehingga Selasa, 1 September 2026. Hanya Petender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat tender. Kehadiran adalah WAJIB dan Petender tidak dibenarkan untuk menyertai tender sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat tender. Maksimum dua (2) orang wakil daripada setiap syarikat dibenarkan hadir. Wakil-wakil ini mestilah kakitangan utama yang berkecuali dengan pengetahuan mendalam mengenai tender dan kontrak bagi kerja berkenaan, diberi kuasa sewajarnya oleh syarikat, dan hendaklah merangkumi salah satu daripada jawatan berikut: - Pengarah Urusan; atau - Pengurus Projek; atau - Pengurus Kontrak dan Komersial

- Dokumen tender hanya akan diberikan kepada Petender yang layak tanpa sebarang caj, melalui alamat e-mel yang berdaftar.
- Petender dikehendaki menyerahkan dokumen yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya beserta semua maklumat sokongan yang diperlukan mengikut format dan kaedah seperti yang dijelaskan dalam dokumen tender.
- Tarikh penyerahan tender adalah pada **Selasa, 15 September 2026 pada jam 12:00 tengah hari**. Petender yang lewat menyerahkan dokumen akan dibatalkan kelayakan.
- Dokumen tender yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan dalam sampul surat bermeteri, yang ditandakan dengan jelas tajuk tender dan nombor tender di bahagian atas tengah sampul surat di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd.
Procurement Department MRT Corp. (Tender Counter),
6th Floor, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

- Selain daripada syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi kesemua **Kriteria Mandatori** di bawah:

KRITERIA TEKNIKAL MANDATORI

- Mempunyai surat kebenaran OEM/prinsipal yang sah bagi SEMUA jenama yang dicadangkan (Microsoft, OEM NDR, OEM rangkaian/keselamatan) untuk membeli dan menjual semula.
- Menyiapkan ≥ 1 pelaksanaan Azure Local (Azure Stack HCI) yang diserahkan mengikut keperluan keserasian penyelesaian bersijil Microsoft.
- Menyiapkan ≥ 1 pelaksanaan NDR yang dicadangkan dengan kebolehlihatan trafik timur-barat dan utara-selatan.
- Menyiapkan ≥ 1 pelaksanaan penyelesaian PAM yang dicadangkan (pintu keupayaan - terpakai walaupun pilihan PAM tidak dilaksanakan semasa penganugerahan).
- Tempoh masa serahan (*lead time*) pengeluaran diisytiharkan bagi semua perkakasan; item yang melebihi enam (6) minggu dikenal pasti bersama pengaturan unit pinjaman (*loaner-unit*) yang komited (spesifikasi setara/lebih tinggi, berlesen penuh, diperkukuh keselamatan, tanpa sebarang kos tambahan).
- Sokongan dan langganan yang disokong oleh prinsipal ≥ 3 tahun bagi semua perkakasan dan perisian yang dicadangkan.

KRITERIA KEWANGAN MANDATORY

- Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (**RM150,000.00**).
- EBITDA** terkumpul sepanjang tempoh lima (5) tahun sebelumnya mestilah **positif**.

Nota:

- Petender tidak dibenarkan membentuk Usahasama (JV)/Konsortium.
- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada rtsaom.procurement@mymrt.com.my. Petender boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.